

Untuk memastikan kakitangan kerajaan  
fahami dasar kerajaan

# Mereka diminta dapatkan surat yang ditulis PM

UM 13 NOV 1985

**K**UALA LUMPUR 12 Nov. — Untuk memastikan kakitangan kerajaan benar - benar memahami dasar - dasar kerajaan, mereka hendaklah sentiasa mendapat surat yang ditulis dan ditandatangani oleh Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menerangkan pelbagai dasar.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Nordin Zakaria yang mengumumkan demikian hari ini ber-

kata, penerangan secara peribadi oleh Perdana Menteri sendiri ini ialah sebagai tambahan kepada saluran perhubungan yang biasa antara kerajaan dengan kakitangan awam mengenai dasar - dasar kerajaan.

Beliau memberitahu Bernama, surat - surat itu menunjukkan Perdana Menteri menyedari pentingnya perhubungan untuk mewujudkan satu per-

khidmatan awam yang cekap.

Katanya surat - surat itu sejauh ini meliputi konsep seperti persyarikatan Malaysia, penerapan nilai - nilai Islam dalam pentadbiran, konsep penswastan dan sistem baru tawaran tender.

Tan Sri Ahmad Nordin, yang telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam sejak zaman Tunku Abdul Rahman berkata, inilah pertama kali surat - surat

daripada seorang Perdana Menteri diagihkan kepada kakitangan awam.

Bagaimanapun, tambahnya, daripada pengalamannya, amalan seumpama itu telah dilakukan di Sweden di mana kakitangan awam diberikan penerangan yang cukup mengenai dasar - dasar yang akan diambil oleh negara, melalui saluran perhubungan yang biasa dan daripada para pemimpin sendiri.

Katanya, amalan perhubungan secara meluas ini akan meningkatkan kefahaman pegawai - pegawai kerajaan tentang pelbagai dasar dan ini pula akan membantu mereka melaksanakan tugas dengan cekap.

Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri baru - baru ini telah menekankan perlunya kakitangan kerajaan menambahkan kefahaman mereka tentang berbagai dasar kerajaan. — Bernama.